

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)**

**TARIKH : 20 JULAI 2020 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siapakah yang dirujuk oleh Kerajaan dalam mukadimah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) bahawa tindakan telah diambil dan tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia untuk menyebabkan keganasan terancang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Mukadimah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) [Security Offences (Special Measures) Act, SOSMA] 2012 adalah mengikut polisi yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh Kementerian Dalam Negeri. Penggubalan akta juga dibuat selepas merujuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Justeru, merujuk kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai siapakah yang dimaksudkan di mukadimah SOSMA dalam frasa “bahawa tindakan telah diambil dan tindakan lanjut diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia”, ianya adalah merujuk kepada individu-individu yang melakukan kesalahan yang menjurus kepada empat (4) elemen berikut:

1. Menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta, atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu;
2. Membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong;
3. Memudaratkan ketenteraman awam di dalam negara; dan
4. Mendapatkan perubahan, selain dengan cara yang sah, apa-apa jua yang ditetapkan melalui undang-undang.